

**PENDEKATAN TAUHIDIK
DALAM PENGURUSAN EMOSI IBU BAPA YANG
MEMPUNYAI ANAK BERKEPERLUAN KHAS MENERUSI
PERSPEKTIF RISĀLAH AL-NŪR**

***A TAWHIDIC APPROACH TO EMOTIONAL MANAGEMENT OF
PARENTS WITH SPECIAL NEEDS CHILDREN THROUGH THE
PERSPECTIVE OF RISĀLAH AL-NŪR***

Noornajihan Jaafar^{1*}
Nurul Asiah Fasehah Muhamad²
Nadiah Ramlan³
Rezki Perdani Sawai⁴
Amnah Zanariah Abd Razak⁵
Zunaidah Mohd. Marzuki⁶
Zati Nazifah Abdul Rahim⁷

¹ Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: noornajihan@usim.edu.my)

² Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: nurulasiahfasehah@usim.edu.my)

³ Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: nadiaramlan@usim.edu.my)

⁴ Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: rezki@usim.edu.my)

⁵ Permata Insan College, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: amnahz@usim.edu.my)

⁶ Abdulhamid Abusulayman Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia, 53100 Kuala Lumpur, Selangor, Malaysia
(E-mail: zunaidah@iiu.edu.my)

⁷ Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
(E-mail: zatinazifah@raudah.usim.edu.my)

*Corresponding author: noornajihan@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025
Revised date : 8-10-2025
Accepted date : 24-11-2025
Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Jaafar, N., Muhamad, N. A. F., Ramlan, N., Sawai, R. P., Abd Razak, A. Z., Mohd. Marzuki, Z., & Abdul Rahim, Z. N. (2025). Pendekatan tauhidik dalam pengurusan emosi ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas menerusi perspektif Risālah al-Nūr. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 716 – 731.

Abstrak: *Kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep pengurusan emosi keibubapaan anak berkeperluan khas menerusi perspektif Risālah al-Nūr dengan memberi fokus kepada dimensi spiritual dan nilai Islam yang diketengahkan oleh Imām Badi‘uzzamān Sa‘īd Nursī. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen terhadap kandungan kitab Risālah al-Nūr. Hasil analisis mendapati bahawa pengurusan emosi keibubapaan dapat dibangunkan melalui tiga kerangka utama: tafakkur (refleksi), ta‘ammul (cara mengurus*

emosi), dan istiqāmah (peneguhan). Tafakkur membantu ibu bapa melakukan refleksi rohani dalam memahami hakikat dan hikmah ujian. Ta'ammul melibatkan pengurusan emosi secara reflektif dan penilaian rohani terhadap ujian, manakala istiqāmah menekankan aspek konsistensi dalam memperkukuh keimanan dan kestabilan emosi. Ketiga-tiga komponen ini saling melengkapi sebagai strategi pengurusan emosi yang berpaksikan kerohanian Islam. Diharapkan dapatan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada bidang psikologi Islam dan menawarkan perspektif baharu berasaskan Risālah al-Nūr dalam memperkukuh kesejahteraan emosi dan kerohanian keluarga khususnya yang mempunyai anak berkeperluan khas.

Kata Kunci: *Pengurusan emosi, keibubapaan, Risālah al-Nūr, tafakkur, ta'ammul, istiqāmah*

Abstract: *This study aims to examine the concept of emotional management in parenting children with special needs through the perspective of Risālah al-Nūr, with a focus on the spiritual dimension and Islamic values emphasized by Imām Badi'uzzamān Sa'īd Nursī. This study employs a qualitative approach using document analysis on the contents of Risālah al-Nūr. The analysis reveals that emotional management in parenting can be developed through three main frameworks: tafakkur (reflection), ta'ammul (emotional regulation), and istiqāmah (steadfastness). Tafakkur helps parents engage in spiritual reflection to understand the nature and wisdom behind trials. Ta'ammul involves reflective emotional management and spiritual evaluation of challenges, while istiqāmah emphasizes consistency in strengthening faith and emotional stability. These three components complement each other as a spiritually grounded strategy for emotional management. The findings of this study are expected to contribute to the field of Islamic psychology and offer a new perspective based on Risālah al-Nūr to enhance emotional and spiritual well-being within families, especially those with special needs children.*

Keywords: *emotional management, parenting, Risālah al-Nūr, tafakkur, ta'ammul, istiqāmah*

Pendahuluan

Ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas cenderung untuk mengalami emosi negatif dan menghadapi tekanan emosi yang lebih berat berbanding ibu bapa anak-anak tipikal. Tekanan ini lazimnya berkait rapat dengan tanggungjawab dan cabaran besar dalam membesarkan anak berkeperluan khas. Kajian oleh Abdul Rani dan Abdullah (2023) menunjukkan bahawa ramai ibu bapa tidak bersedia secara emosi untuk menerima kelahiran anak berkeperluan khas, selain mengalami diskriminasi serta pengasingan sosial akibat stigma negatif oleh masyarakat. Mereka sering terperangkap dengan pelbagai bebanan emosi seperti rasa tidak berdaya, kecewa, kemurungan, rasa putus asa, bersalah, serta berisiko mengalami gangguan kesihatan mental (Pisula & Kossakowska, 2010; Vetrayan, Daud, & Paulraj, 2013; Ebrahimi et al., 2015).

Sekiranya ibu bapa yang merupakan tunggak utama dalam sesebuah keluarga tidak dapat mengurus cabaran emosi ini, kesejahteraan keluarga akan terjejas dan secara tidak langsung menjejaskan perkembangan psikologi serta keberkesanan intervensi khususnya terhadap anak-anak berkeperluan khas (Vetrayan, Daud, & Paulraj, 2013). Hali ini kerana emosi memainkan peranan yang sangat signifikan dalam membentuk dan mempengaruhi tingkah laku ibu bapa. Emosi positif menyokong strategi daya tindak yang berkesan, manakala emosi negatif sering dikaitkan dengan tindak balas yang tidak membantu (Compas et al., 2017). Kegagalan mengurus emosi dengan baik boleh mendorong kepada amalan keibubapaan yang negatif.

Keupayaan untuk meregulasi emosi menentukan bagaimana cara mereka bertindak balas terhadap tekanan serta cabaran yang dihadapi.

Dari perspektif Islam, pengurusan emosi melalui pendekatan spiritual dan tauhidik dilihat mampu menjadi landasan kukuh dalam menstabilkan tindak balas emosi selaras dengan ajaran Al-Quran dan Sunnah. Menurut Ibrahim et al. (2025), terdapat hubungan positif antara kecerdasan emosi dan kecerdasan spiritual dalam sesi kaunseling Islam, di mana pengurusan emosi menjadi lebih stabil apabila disandarkan kepada nilai-nilai keimanan. Pendekatan ini bukan sahaja memberi ketenangan jiwa, tetapi juga membentuk kekuatan dalaman yang berterusan dalam menghadapi realiti kehidupan yang mencabar.

Risālah al-Nūr, karya agung Imām Badi‘uzzamān Sa‘īd Nursī mengandungi pendekatan dan nilai-nilai tauhidik yang signifikan untuk menjadi asas pengurusan emosi keibubapaan. Melalui kitab tafsir yang bersifat reflektif dan saintifik ini, *Imām Sa‘īd Nursī* menekankan bahawa kepercayaan kepada keesaan Allah s.w.t (tauhid) bukan sahaja menjadi asas akidah, tetapi juga sumber kekuatan rohani dalam menghadapi tekanan kehidupan (Amir & Abdul Rahman, 2023). Sulaiman et al. (2013) turut berpendapat bahawa kecerdasan emosi dalam Islam berpaksikan kepada tauhid dan penghayatan terhadap al-Quran dan al-Sunnah sebagai asas pembentukan akhlak dan kesejahteraan diri. Melalui pendekatan tauhidik yang digariskan dalam *Risālah al-Nūr*, ibu bapa dapat membina perspektif baru terhadap ujian yang dihadapi. Dikurniakan anak berkelainan upaya dilihat bukan sebagai beban, tetapi sebagai amanah dan peluang untuk mendidik jiwa memperoleh ganjaran yang lebih besar di sisi-Nya.

Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada aspek pengurusan emosi dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas, dengan meneliti pendekatan tauhidik sebagai asas kepada kesejahteraan emosi dan spiritual. Dalam konteks Islam, pengurusan emosi bukan sekadar proses psikologi, tetapi turut melibatkan dimensi kerohanian yang berpaksikan keimanan kepada Allah s.w.t. Oleh itu, kajian ini menelusuri bagaimana nilai-nilai Islam, khususnya melalui karya *Risālah al-Nūr* oleh Imām Badi‘uzzamān Sa‘īd Nursī, dapat menyumbang kepada pendekatan alternatif dalam menangani tekanan emosi ibu bapa anak berkeperluan khas.

Pernyataan Masalah

Kajian-kajian terdahulu mengenai pengurusan emosi ibu bapa anak berkeperluan khas banyak menekankan pendekatan psikologi kognitif dan strategi daya tindak yang bersifat sekular. Walaupun kajian-kajian tersebut memberikan sumbangan terhadap pemahaman tentang tekanan emosi dan mekanisme pengurusan emosi, namun masih kurang perhatian diberikan terhadap integrasi nilai-nilai spiritual Islam yang mampu membentuk kekuatan dalaman ibu bapa. Kajian psikospiritual Islam pula bersifat umum dan tidak meneliti secara khusus konteks keibubapaan anak berkeperluan khas.

Selain itu, kajian yang mengaplikasikan teks klasik Islam seperti *Risālah al-Nūr* dalam pengurusan emosi masih belum dijalankan secara mendalam. Kebanyakan kajian terdahulu hanya meneliti aspek teologi dan sejarah pemikiran Imām Badi‘uzzamān Sa‘īd Nursī tanpa menghubungkannya dengan isu praktikal seperti pengurusan emosi keibubapaan. Kelompongan ini menimbulkan jurang kajian yang perlu diisi bagi memastikan pendekatan yang digunakan dalam pengurusan emosi lebih holistik dan berteraskan nilai tauhidik.

Seterusnya, isu yang ingin difokuskan ialah ketiadaan kerangka pengurusan emosi yang menggabungkan dimensi spiritual Islam secara sistematik untuk ibu bapa anak berkeperluan

husus. Kajian ini berusaha membangunkan kerangka tersebut dengan meneliti prinsip-prinsip tauhidik dalam *Risālah al-Nūr* dan menghubungkannya dengan keperluan pengurusan emosi ibu bapa. Dengan ini, kajian yang dijalankan ini bukan sahaja mengisi kekosongan literatur, tetapi juga menawarkan alternatif kepada pendekatan sekular yang memisahkan aspek rohani daripada kesejahteraan psikologi.

Penegasan terhadap isu ini penting kerana pengurusan emosi yang berkesan bukan sahaja mempengaruhi kesejahteraan ibu bapa, tetapi juga memberi kesan langsung kepada perkembangan anak berkeperluan khas dan keberkesanan intervensi yang dijalankan. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan teori dan amalan dalam bidang psikologi Islam serta memperkukuh sokongan kepada keluarga yang berhadapan dengan cabaran membesarkan anak berkeperluan khas.

Tinjauan Literatur

Tinjauan literatur ini bertujuan untuk mengenal pasti kajian-kajian terdahulu berkaitan pengurusan emosi ibu bapa anak berkeperluan khas, pendekatan psikospiritual dalam Islam, dan relevansi *Risālah al-Nūr* sebagai kerangka tauhidik. Analisis ini menekankan kekuatan, kelemahan, dan jurang kajian bagi membina justifikasi kajian semasa.

Pengurusan Emosi Ibu Bapa Anak Berkeperluan Khas

Dalam konteks ibu bapa yang mempunyai anak berkeperluan khas, kemampuan untuk mengenali dan memahami emosi yang dialami dalam interaksi harian adalah amat penting. Emosi yang dialami individu boleh membawa kepada kesan yang positif mahupun negatif, bergantung kepada tahap keberkesanan dalam mengurus emosi tersebut (Gross & Thompson, 2007). Tanpa kebolehan untuk mengenal pasti, memahami, dan bertindak secara tepat terhadap keperluan emosi, individu akan menghadapi kesukaran dalam membuat keputusan yang signifikan dalam kehidupan seharian.

Ketidakupayaan dalam mengawal emosi turut mengakibatkan kelemahan dalam membuat penilaian yang rasional dalam mendepani cabaran dan konflik (Sivabalan, Zakaria, & Amin, 2018). Oleh itu, kemahiran dalam mengurus emosi merupakan keperluan yang sangat signifikan khususnya bagi ibu bapa anak berkeperluan khas. Kajian mengenai pengurusan emosi dalam kalangan ibu bapa anak berkeperluan khas wajar dilaksanakan kerana ia berupaya memberikan maklumat yang lebih mendalam mengenai dinamika pengurusan emosi. Maklumat ini boleh dijadikan asas kepada pembangunan program atau intervensi yang dapat meningkatkan kemahiran pengurusan emosi dalam kalangan ibu bapa (Arianda, Kinanthi, & Brebahama, 2018).

Pendekatan Psikospiritual dalam Islam

Strategi pengurusan emosi yang dikaji kebanyakannya berasaskan pendekatan psikologi kognitif yang dilihat sebagai strategi yang lebih berpotensi untuk membantu individu yang mengalami masalah emosi (Gross & John, 2003; Kobylinska & Kusev, 2018). Walaupun pendekatan ini berkesan dalam mengurangkan stres, namun ia bersifat sekular dan tidak mengambil kira dimensi spiritual yang penting dalam konteks masyarakat Islam. Analisis kritikal mendapati bahawa kajian sedia ada kurang menekankan integrasi nilai agama dalam pengurusan emosi, sedangkan aspek spiritual boleh menjadi sumber kekuatan dalaman bagi ibu bapa. Memandangkan strategi regulasi emosi kognitif yang sedia ada oleh Gross & John (2003) berasaskan ilmu aqli, maka adalah perlu untuk kajian pengurusan emosi bersumberkan ilmu naqli dijalankan khusus bagi ibu bapa anak berkeperluan khas.

Tambahan pula, pendekatan psikologi kognitif berasaskan ilmu naqli yang melibatkan kajian psikospiritual Islam menekankan hubungan antara emosi dan keimanan, di mana pengurusan emosi menjadi lebih stabil apabila disandarkan kepada nilai tauhid dan penghayatan al-Quran serta al-Sunnah (Ibrahim et al., 2023; Sulaiman et al., 2013). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian ini bersifat umum dan tidak meneliti secara khusus konteks keibubapaan anak berkeperluan khas. Limitasi ini menunjukkan keperluan untuk mengembangkan pendekatan psikospiritual yang lebih kontekstual dan praktikal. Dalam konteks kajian ini, sumber naqli yang akan digunakan ialah *Risālah al-Nūr* yang mengandungi pendekatan dan nilai-nilai tauhidik untuk dijadikan asas kajian ini.

Risālah al-Nūr sebagai Kerangka Tauhidik

Dari sudut teori, kajian ini berasaskan pendekatan tauhidik yang menekankan kebergantungan mutlak kepada Allah, penerimaan terhadap takdir, dan pencarian hikmah dalam setiap ujian seperti yang ditekankan oleh Imām Sa‘īd Nursī dalam karyanya, *Risālah al-Nūr*. Selain sebagai tafsir al-Qur‘an yang bersifat reflektif, *Risālah al-Nūr* menawarkan pendekatan psikospiritual yang relevan untuk pengurusan emosi. Kajian oleh Zarkasyi et al. (2021) menegaskan bahawa konsep psikoterapi Islam yang digariskan oleh Nursī melalui *Risālah al-Nūr* berasaskan pengukuhan iman sebagai asas kesejahteraan mental, di mana keimanan yang mantap mampu mengawal reaksi emosi negatif seperti putus asa dan tekanan jiwa. Pendekatan ini bukan sahaja bersifat teoritikal, tetapi juga praktikal kerana ia menggabungkan dimensi rohani dan rasional dalam menangani masalah psikologi (Zarkasyi et al., 2021).

Tambahan pula, kajian oleh Fatah Yasin et al. (2023) menunjukkan bahawa prinsip tauhidik dalam *Risālah al-Nūr* membentuk kerangka pemikiran yang holistik untuk mencapai ketenangan kognitif dan kestabilan emosi, sekali gus menjadikannya sesuai diaplikasikan dalam konteks keibubapaan anak berkeperluan khas. Kedua-dua kajian ini mengesahkan bahawa integrasi nilai tauhidik bukan sahaja memperkukuh daya tahan rohani, tetapi juga berpotensi menjadi asas kepada model pengurusan emosi yang lebih menyeluruh dan kontekstual. Secara keseluruhan, kajian-kajian ini telah meneliti konsep psikoterapi Islam dan prinsip tauhidik dalam membentuk kesejahteraan emosi secara umum, namun belum ada kajian yang mengaplikasikan prinsip *Risālah al-Nūr* secara khusus dalam pengurusan emosi ibu bapa anak berkeperluan khas. Justeru, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan membangunkan kerangka pengurusan emosi berasaskan nilai tauhidik yang bersifat praktikal dan kontekstual, bagi menyantuni cabaran keibubapaan anak berkeperluan khas.

Sebagai kesimpulan, kajian-kajian terdahulu menekankan strategi pengurusan emosi berasaskan psikologi kognitif, sedangkan kajian yang mengintegrasikan pendekatan tauhidik masih terhad. Kajian psikospiritual Islam sedia ada pula tidak meneliti secara khusus konteks keibubapaan anak berkeperluan khas. Selain itu, walaupun *Risālah al-Nūr* telah dikaji dari sudut pemikiran dan teologi, belum ada kajian yang mengaplikasikan prinsipnya sebagai kerangka pengurusan emosi keibubapaan. Secara keseluruhan, kajian ini melengkapkan literatur sedia ada dengan menawarkan satu pendekatan baharu yang menggabungkan dimensi spiritual Islam secara langsung melalui teks *Risālah al-Nūr*.

Kajian ini bukan sahaja menyambung dapatan kajian terdahulu tentang pentingnya kecerdasan emosi dan spiritual, tetapi juga mencabar pendekatan sekular yang memisahkan aspek rohani daripada pengurusan emosi. Dengan membina kerangka *tafakkur-ta’ammul-istiqāmah*, kajian ini menyumbang kepada pembangunan model pengurusan emosi Islamik yang lebih

menyeluruh dan kontekstual, khususnya untuk ibu bapa yang berhadapan dengan cabaran membesarkan anak berkeperluan khas.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen sebagai metodologi utama dalam mengumpul dan menganalisis data. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik meneliti secara mendalam kandungan teks *Risālah al-Nūr* yang kaya dengan nilai-nilai spiritual dan prinsip tauhidik yang berkaitan dengan pengurusan emosi. Analisis dokumen membolehkan pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap mesej-mesej kerohanian yang terkandung dalam karya tersebut, khususnya yang berkaitan dengan konsep *tafakkur*, *ta'ammul*, dan *istiqāmah*. Sumber utama kajian ini ialah teks *Risālah al-Nūr* oleh Imām Sa'īd Nursī, yang terdiri daripada pelbagai risalah seperti *Sözler* (Kalimah-kalimah), *Mektubat* (Surat-surat), dan *Lem'alar* (Kilauan-kilauan).

Pemilihan teks dilakukan secara purposif berdasarkan tema-tema yang berkaitan dengan pengurusan emosi. Selain itu, kajian ini turut merujuk kepada karya-karya sekunder seperti artikel jurnal, tesis, dan buku yang membincangkan pemikiran Imām Sa'īd Nursī serta pendekatan psikospiritual dalam Islam. Seterusnya proses analisis data dilakukan melalui kaedah tematik, iaitu mengenal pasti tema-tema utama yang muncul daripada teks berdasarkan kerangka konsep yang telah ditetapkan. Kaedah analisis tematik diaplikasikan dengan langkah mengenal pasti kata kunci dan konsep, menghubungkan dengan kerangka tauhidik, dan membina interpretasi terhadap implikasi pengurusan emosi.

Proses pengkodan tema ini dilakukan melalui pembacaan menyeluruh teks dan mengelompokkan kepada tema utama. Pengkodan secara terbuka digunakan untuk mengenal pasti konsep asas, diikuti pengelompokan kepada tiga tema utama yang dikenalpasti iaitu: (1) *Tafakkur* – refleksi rohani terhadap keimanan dan kehidupan; (2) *Ta'ammul* – pengurusan emosi secara reflektif dan penilaian rohani; dan (3) *Istiqāmah* – peneguhan dan konsistensi dalam memperkukuh keimanan dan kestabilan emosi. Setiap tema dianalisis dari sudut makna, konteks, dan implikasi terhadap pengurusan emosi ibu bapa anak berkeperluan khas.

Akhir sekali, bagi memastikan ketepatan, validiti dan kebolehpercayaan, kajian ini menggunakan triangulasi sumber menerusi teks primer dan sekunder, semakan pakar (*peer debriefing*), dan *audit trail* bagi merekod proses analisis. Semakan berulang dilakukan untuk memastikan konsistensi tema dan mengurangkan bias penyelidik. Langkah-langkah ini penting bagi memastikan dapatan kajian adalah sahih, berintegriti, dan boleh dijadikan rujukan yang kukuh dalam bidang psikologi Islam.

Latar Belakang Imām Badi'uzzamān Sa'īd Nursī dan *Risālah al-Nūr*

Imām Badi'uzzamān Sa'īd Nursī (1877–1960) merupakan seorang ulama dan pemikir Islam dari Turki yang hidup dalam masa transisi dari pemerintahan Uthmaniyah kepada Republik Turki moden. Beliau membahagikan kehidupannya kepada tiga fasa: *Old Sa'īd*, *New Sa'īd*, dan *Third Sa'īd*, yang masing-masing mencerminkan perubahan pendekatan intelektual dan spiritual beliau terhadap cabaran zaman moden (Alatas, 2017). Imām Sa'īd Nursī terkenal dengan daya ingatan luar biasa dan penguasaan ilmu agama serta sains moden. Beliau percaya bahawa umat Islam perlu menggabungkan ilmu tradisional dengan ilmu moden untuk menghadapi cabaran sekularisme dan kemunduran umat (Sethi, Jalal, & Haq, 2022).

Sepanjang hidupnya, beliau mengalami pelbagai bentuk penindasan termasuk pengasingan dan penjara kerana penulisannya yang berpengaruh dan dianggap mengancam dasar sekular negara (Alatas, 2017). *Risālah al-Nūr* adalah hasil penulisannya yang merupakan koleksi tafsir dan refleksi teologi yang dikarangnya dalam usaha untuk menghidupkan semula pemikiran Islam dalam konteks moden. Ia bukan sekadar tafsir literal al-Qur'an, tetapi juga menggabungkan pendekatan rasional, spiritual dan saintifik dalam memahami wahyu (Amir & Abdul Rahman, 2023).

Metodologi tafsir Imām Sa'īd Nursī dalam *Risalah Nur* sangat kontekstual dan bersifat reflektif, di mana beliau menanggapi isu-isu moden seperti westernisasi, nasionalisme sekular, dan penghapusan khilafah dengan pendekatan spiritual dan intelektual yang mendalam (Syauqi, 2017). Menurut Ramadlani (2019) kitab ini menekankan tauhid dan keimanan sebagai asas kehidupan, kosmologi Qur'ani yang menjelaskan hubungan antara alam dan wahyu, serta nilai moral dan etika sebagai panduan hidup. Justeru, penyelidik berpendapat karya ini amat bersesuaian untuk dijadikan landasan dalam membina kerangka pengurusan emosi keibubapaan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil kajian ini menyorot pendekatan tauhidik yang digariskan oleh Imām Sa'īd Nursī dalam *Risālah al-Nūr* sebagai landasan spiritual dan psikologi dalam mengurus emosi ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya. Melalui kerangka pemikiran Imām Sa'īd Nursī, tiga prinsip utama dikenal pasti sebagai panduan reflektif dan praktikal dalam menghadapi tekanan emosi iaitu *tafakkur*, *ta'ammul*, dan *istiqāmah*.

Tafakkur (Refleksi)

Dalam konteks kajian ini, *tafakkur* merupakan sebuah proses untuk merenung, berfikir dan refleksi bagi mengenali dan memahami hakikat Ilahi, hakikat diri sebagai hamba yang lemah, hakikat kehidupan yang sementara dan akhirat yang kekal selamanya. Proses ini bertujuan memberikan ruang untuk penilaian semula diri dan tujuan hidup disamping refleksi terhadap kebesaran Allah s.w.t. Proses refleksi rohani ini dinukilkan dalam *Risālah al-Nūr* di mana Imām Sa'īd Nursī menekankan bahawa *tafakkur imānī* adalah suatu bentuk pemikiran dan renungan yang mendalam, yang sama ada menatijahkan keimanan atau lahir daripada asas keimanan itu sendiri. Proses *tafakkur* yang digariskan dalam *Risālah al-Nūr* bukan sekadar renungan intelektual, tetapi merupakan refleksi rohani yang menyentuh pelbagai dimensi kehidupan insan, bermula daripada hubungan dengan hakikat ketuhanan, peranan sebagai hamba, pengalaman emosi, tanggungjawab terhadap zuriat, makna ujian, hinggalah kepada nilai persaudaraan di mana semuanya menjadi medan untuk memperkukuh keimanan dan memperhalusi jiwa.

Pendidikan berasaskan refleksi rohani dapat meningkatkan ketenangan jiwa dan kesedaran spiritual dalam kalangan ibu bapa. Hal ini kerana, *tafakkur* membantu ibu bapa memahami hakikat Allah sebagai Tuhan yang Maha Menguasai segalanya dan diri sebagai hamba yang lemah dan bergantung sepenuhnya kepada Allah s.w.t. Dalam kerangka pemikiran rohani yang dibentangkan oleh Imām Sa'īd Nursī, hakikat Allah sebagai Tuhan yang Maha Berkuasa dapat difahami melalui renungan terhadap sifat-sifat-Nya yang agung. Kekuasaan Allah (*Qudrah*) terserlah dalam penciptaan dan pengaturan seluruh alam, di mana setiap zarah bergerak menurut kehendak-Nya yang mutlak. Ketetapan-Nya (*Qadar*) terhadap segala yang berlaku menunjukkan bahawa setiap peristiwa telah ditentukan dengan penuh hikmah dan tidak berlaku secara sia-sia. Sebagaimana yang dinyatakan dalam *Risālah al-Nūr*:

“Ketetapan-ketetapan serta ciri yang teratur pada ciptaan-ciptaan seluruhnya, serta bentuk acuan kejadiannya yang mengikut peraturan serta tujuan tertentu semuanya adalah kerana ia mengikut prinsip qada’ dan ketentuan qadar yang semuanya menunjukkan pengetahuan yang meliputi dan menyerlahkannya.”

[Surat-surat; Surat Kedua Puluh; Nuktah Kedua]

Imām Sa‘īd Nursī turut menukilkan bagaimana kehendak Allah (*Iradah*) menjadi asas kepada segala yang wujud dan tidak wujud, memperlihatkan kebijaksanaan-Nya dalam memilih apa yang terbaik bagi makhluk-Nya. Rahmat Allah pula sentiasa meliputi, menjadi sumber ketenangan dan harapan bagi hamba yang bergantung kepada-Nya. Manakala kesedaran bahawa segala ciptaan adalah milik mutlak Allah menanamkan rasa tunduk dan pasrah dalam jiwa, serta mengukuhkan keyakinan bahawa kehidupan ini berada dalam genggaman kasih sayang dan kekuasaan Tuhan.

Disamping memahami hakikat ketuhanan, Imām Sa‘īd Nursī turut membawa pembaca merefleksi hakikat kehambaan yang bukan sahaja sekadar pengakuan lisan, tetapi suatu kesedaran mendalam tentang kedudukan insan sebagai makhluk yang lemah dan bergantung sepenuhnya kepada Allah. *Tafakkur* membantu ibu bapa menyedari bahawa sebagai hamba, mereka tidak memiliki kuasa mutlak terhadap kehidupannya, bahkan setiap perkara yang berlaku termasuklah dikurniakan anak istimewa adalah dalam ketetapan dan pengawasan Ilahi. Kelemahan (*‘ajz*) dan kefakiran (*faqr*) menjadi sifat semula jadi hamba, yang tidak mampu memenuhi segala kehendak tanpa bantuan dan izin daripada Tuhan. Sebagaimana yang ditegaskan dalam Risālah al-Nūr, Imām Sa‘īd Nursī menyatakan:

“Tujuan keinsanan dan tugas kemanusiaan itu ialah: Di samping berakhlak dengan akhlak Ilahi dan pekerti mulia, (insan perlu) mengetahui kelemahan sendiri lalu berlindung di bawah qudrat Ilahi, merasai kedaiifan lalu bersandar kepada kuasa Ilahi, merasai kefakiran lalu bergantung kepada rahmat Ilahi, merasai keberhajatan lalu meminta bantuan daripada kekayaan Ilahi, nampak kesilapan lalu memohon ampun daripada ampunan Ilahi dan nampak kekurangan lalu memuji kesempurnaan Ilahi.”⁰

[Kalimah-kalimah; Kalimah Ketiga Puluh; Nuktah Kedua].

Kesedaran ini juga membawa kepada pengakuan bahawa pengetahuan manusia amat terbatas, dan kehidupan ini sentiasa berada dalam ruang ihsan Allah yang Maha Melihat dan Mengetahui. Bagi ibu bapa anak berkeperluan khas, *tafakkur* juga berperanan sebagai alat untuk menilai semula perspektif terhadap ujian yang dihadapi. Ujian kehidupan bukanlah beban yang sia-sia, tetapi merupakan peluang yang diberikan oleh Allah untuk mendidik jiwa, membersihkan dosa, dan memperoleh ganjaran di akhirat. Ujian dilihat sebagai latihan rohani yang menguatkan kesabaran dan kebergantungan kepada Tuhan, serta menjadi medan untuk membezakan antara hamba yang taat dan yang ingkar. Kehidupan dunia yang bersifat sementara menjadikan ujian sebagai peringatan agar manusia kembali kepada Allah dan tidak terpedaya dengan kenikmatan yang bersifat fana. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Imām Sa‘īd Nursī:

“Sesungguhnya dunia ini adalah medan ujian dan tempat berkhidmat. Bukannya tempat kelazatan, upah atau ganjaran. Memandangkan dunia ialah tempat berkhidmat dan tempat kehambaan, maka segala penyakit dan musibah (dengan syarat bukan hal keagamaan dan dengan syarat bersabar ke atasnya) menjadi amat selaras dengan khidmat dan kehambaan tersebut, serta menguatkannya.”

[Kilauan-kilauan; Kilauan Kedua; Nuktah Ketiga]

Dalam perspektif ini, ujian bukan sahaja tanda kasih sayang Allah, tetapi juga manifestasi kebijaksanaan-Nya sebagai Raja dan Pemilik mutlak alam, yang mendidik hamba-Nya dengan penuh rahmat dan hikmah. Selain itu, Imām Sa‘īd Nursī turut menekankan hakikat anak sebagai anugerah Ilahi yang membawa kebahagiaan dan tanggungjawab besar kepada ibu bapa. Keinginan memiliki zuriat adalah fitrah, namun cinta kepada anak perlu disedari sebagai cinta nisbi yang tidak boleh melebihi cinta mutlak kepada Allah. Anak merupakan amanah yang perlu dipelihara dengan pendidikan agama dan iman, kerana anak yang dibesarkan dalam suasana keimanan berpotensi menjadi pemberi syafaat di akhirat, manakala yang diabaikan boleh menjadi pendakwa terhadap ibu bapa. Sebagaimana yang dinyatakan dalam *Risālah al-Nūr*:

“Semasa anaknya perlu menjadi pemberi syafaat dia menjadikan anaknya yang tidak bersalah sebagai pendakwa. Anaknya itu akan mengadu dengan berkata: “Mengapa ibu tidak menguatkan keimanku dan membinasakanku?” Oleh sebab si anak tidak benar-benar mendapat didikan Islam di dunia, maka dia tidak akan dapat membalas kasih-sayang ibunya yang hebat dengan cara yang selayaknya.”

[Pedoman Para Wanita; Nuktah Pertama]

Kehadiran anak juga menzahirkan pengorbanan ibu yang ikhlas, dan memerlukan perlindungan serta kasih sayang yang berpanjangan, sebagai manifestasi tanggungjawab hamba terhadap amanah yang diberikan oleh Tuhan

“Perbuatan seorang ibu mengorbankan nyawanya demi menyelamatkan anaknya daripada bahaya tanpa meminta sebarang balasan dan mengorbankan dirinya untuk anak-anaknya dengan keikhlasan yang hakiki menurut tugas fitrahnya.”

[Pedoman Para Wanita; Nuktah Pertama]

Seterusnya, Imām Sa‘īd Nursī turut menyentuh mengenai hakikat emosi di mana ianya bukanlah sekadar tindak balas semula jadi manusia, tetapi merupakan saluran penting untuk mengenal nama-nama dan sifat-sifat Allah s.w.t. Setiap rasa yang hadir sama ada kesedihan, kemarahan, ketakutan atau kesunyian boleh menjadi pintu kepada refleksi rohani jika dididik dan diurus dengan hikmah. Emosi yang tidak terkawal, seperti kesedihan terhadap hal dunia yang fana atau kemarahan yang berlebihan, boleh mengaburkan akal dan melahirkan sikap negatif yang menjauhkan diri daripada ketenangan jiwa.

“Janganlah jatuh dalam kesedihan dengan memikirkan kefanaannya. Janganlah mempamerkan kekesalanmu datang ke dunia hanya setelah melihat buah-buah duniawi yang tidak penting.”

[Lima Risalah; Hujah Keimanan Kesepuluh; Kalimah Keenam]

Sebaliknya, kesunyian dan ketakutan terhadap masa hadapan boleh menjadi ruang untuk mendekatkan diri kepada Allah, jika disertai dengan penghayatan iman dan pengabdian yang tulus.

“Dia sentiasa memberi jawapan kepada doa hamba-hamba-Nya. Dia mengubah kedahsyatan kesunyian dan keseorangan kepada ketenangan melalui kehadiran dan jawapan-Nya.”

[Kalimah-kalimah; Kalimah Kedua Puluh Tiga; Nuktah Kelima]

Dalam perspektif ini, emosi bukanlah kelemahan, tetapi kekuatan yang boleh membentuk keberanian, ketenangan dan kesedaran spiritual apabila disandarkan kepada keimanan yang mendalam. Setelah emosi dikenali sebagai saluran refleksi rohani yang perlu diurus dengan hikmah, Imām Sa‘īd Nursī turut menekankan bahawa hubungan sesama manusia, khususnya dalam konteks keluarga dan masyarakat, memainkan peranan penting dalam membentuk jiwa yang tenang dan kehidupan *ubudiyyah* yang sejahtera. Hakikat persaudaraan menuntut ibu bapa untuk meraikan perbezaan pandangan, membalas layanan yang berbeza dengan kebaikan, serta bersikap terbuka terhadap apa yang diterima daripada orang sekeliling. Dalam suasana yang penuh cabaran, ibu bapa perlu mengelakkan pertelingkahan dan permusuhan, serta menyampaikan kebenaran dengan hikmah mengikut situasi yang sesuai. Menurut Imām Sa‘īd Nursī:

“Maka perpaduan yang terlalu banyak begini memerlukan persaudaraan, kasih sayang dan kesatuan. Oleh itu, hikmah dijadikan manusia berpuak-puak adalah untuk saling mengenali dan saling membantu sebagaimana yang dijelaskan dalam ayat ini, bukan dengan tujuan berbantah-bantah atau bermusuhan.”

[Surat-surat; Surat Kedua Puluh Enam; Kajian Ketiga]

Kesedaran bahawa kehidupan *ubudiyyah* boleh tergugat oleh kedegilan dan konflik menjadikan persaudaraan sebagai medan latihan rohani yang menuntut kesabaran dan kebijaksanaan dalam berinteraksi.

Ta‘ammul (Cara mengurus emosi)

Menurut Imām Al-Ghazālī, *ta‘ammul* ialah keadaan di mana seseorang menumpukan fikiran sepenuhnya kepada Allah, dan menjaga agar semua pemikiran tertumpu kepada-Nya, sehingga menghasilkan kesan positif dalam akhlak dan amal (Damairi, 2020). *Ta‘ammul* melibatkan pengurusan emosi secara reflektif dan penilaian rohani terhadap ujian. Sifat-sifat *maḥmūdah* seperti sabar, syukur dan tawakkal yang terbit dalam diri hasil daripada proses *tafakkur imānī* menatijahkan ketenangan hati dan kelapangan fikiran dalam menerima ketentuan Ilahi. Dalam *Risālah al-Nūr*, Imām Sa‘īd Nursī menekankan sifat sabar, syukur, dan tawakkal, yang menjadi asas kepada ketenangan jiwa dalam menghadapi ujian kehidupan seperti mana yang telah dinukilkan:

“Betapa tawakkal dan berlindung kepada al-Khaliq-nya dengan kesabaran dan permintaan serta doa daripada ar-Razzaq-nya dengan kesyukuran merupakan dua ubat mujarab seperti penawar yang amat bermanfaat.”

[Kalimah-kalimah Kecil; Kalimah Ketujuh]

Sabar, syukur dan tawakkal merupakan tiga sifat utama dalam pembentukan kekuatan rohani seorang Muslim yang melibatkan keupayaan menahan diri dalam ketaatan kepada Allah, pengiktirafan terhadap nikmat Allah dan kebergantungan terus kepada Allah yang menyeimbangkan antara ikhtiar manusia dan penyerahan kepada kehendak-Nya. Ketiga-tiga sifat ini saling melengkapi dalam membentuk keutuhan emosi dan kestabilan spiritual, menjadikan *ta‘ammul* sebagai satu proses yang menyuburkan akhlak dan memperkukuh hubungan hamba dengan Tuhannya. Dalam masa yang sama, Imām Sa‘īd Nursī turut mengingatkan untuk berusaha menghindari *ananiyyah* iaitu sifat mementingkan diri, keakuan atau egoisme yang menjadi penghalang utama dalam perjalanan rohani, dengan menundukkan ego dan menyerahkan diri sepenuhnya kepada kehendak Allah. Imām Sa‘īd Nursī menyatakan:

“Tetapi apabila dia meninggalkan ananiyyah dan nampak bahawa dirinya sememangnya bukanlah apa-apa dan wujudnya cermin tajalli al-Mujid al-Haqiqi, maka dia akan mendapat semua maujudat dan kewujudan yang tiada penghujung.”
[Kalimah-kalimah; Kalimah Ketujuh Belas; Nuktah Keempat]

Seterusnya kemuncak tahap penerimaan seorang hamba iaitu redha dan ikhlas, kedua-duanya merupakan tunjang penting dalam melengkapi dalam membentuk keperibadian mukmin atau ibu bapa yang menyerahkan segala urusan kehidupannya kepada Allah tanpa keraguan.

“Tetapi الْحُكْمُ لِلَّهِ maka, redha kepada qadha’ dan pasrah dengan takdir merupakan salah satu syiar Islam.”
[Risalah Untuk Para Pesakit; Tambahan Bagi Kilauan Kedua Puluh Lima]

Secara tidak langsung, rasa keyakinan bahawa Allah sentiasa bersama hamba Nya turut lahir. Keyakinan *ma’iyyah* ini memberikan ketenangan dan kekuatan spiritual buat ibu bapa, khususnya ketika menghadapi kesusahan dan cabaran hidup (Ibrahim et al., 2025). Dalam konteks keibubapaan anak kurang upaya ini juga, pendekatan tauhidik yang diketengahkan dalam *Risālah al-Nūr* membantu ibu bapa memahami konsep *tawazun* (keseimbangan emosi), *tajdīd* niat (memperbaharui niat) dan *ḥusn al-ẓann* (bersangka baik). Ketiga-tiga pendekatan ini memainkan peranan penting dalam pengurusan emosi yang stabil dan berkesan di mana Imām Sa‘īd Nursī ada menyatakan dalam *Risālah al-Nūr*:

“Manakala niat baik, sangkaan baik, sikap baik dan fikiran baik pada yang seorang lagi menjadikannya layak mendapat ihsan dan kebahagiaan yang besar, serta kelebihan dan limpahan yang terang.”
[Kalimah-kalimah Kecil; Kalimah Kelapan]

Tawazun mendidik ibu bapa menyeimbangkan emosi antara tuntutan duniawi dan keperluan rohani agar tidak terlalu terbeban dengan emosi. Amalan sentiasa memperbaharui niat pula memastikan agar diri tidak terpesong daripada tujuan asal manakala *ḥusn al-ẓann* terhadap Allah dan orang sekeliling membantu mengelakkan tekanan akibat sangkaan negatif serta memelihara ketenangan jiwa dalam mendidik anak-anak istimewa. Dalam *Risālah al-Nūr* juga dibincangkan mengenai sifat *khawf* dan *rajā’* seperti yang dinukilkan oleh Imām Sa‘īd Nursī:

“Maka untuk menyelamatkan manusia daripada rasa berputus asa dan kelalaian yang mutlak, Allah SWT memegang manusia di antara rasa khawf (takut) dan raja’ (berharap).”
[Risalah Untuk Para Pesakit; Kilauan Kedua Puluh Lima; Ubat Ketiga Belas].

Khawf dan *rajā’* berperanan menyeimbangkan emosi antara rasa takut kepada kemurkaan Allah yang mendorong kepada muhasabah dan taubat, serta harapan kepada rahmat dan keampunan-Nya yang memberi kekuatan untuk terus berusaha dan tidak berputus asa dalam mendidik anak-anak istimewa. Manakala *syafaqah*, iaitu belas kasihan terhadap anak, menjadi asas kepada pendekatan keibubapaan yang berteraskan iman, ihsan dan tanggungjawab, sekali gus membentuk suasana kasih sayang yang menyuburkan perkembangan rohani dan emosi anak-anak (Ibrahim et al., 2025).

“Oleh sebab sikap berkorban di dalam syafaqah ini memberi makna ikhlas yang hakiki, dan pengorbanan yang tidak meminta balasan, maka ia adalah amat penting.”

[Pedoman Para Wanita; Nuktah Pertama]

Istiqāmah (Peneguhan)

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2017), *istiqāmah* membawa maksud ketaatan menjalankan sesuatu suruhan secara terus-menerus (termasuk urusan agama). Justeru dalam kajian ini *istiqāmah* ditakrifkan sebagai usaha, tindakan dan amalan yang dilakukan secara berterusan dan konsisten dalam memperkukuh keimanan dan kestabilan emosi melalui amalan spiritual, pengembangan ilmu, dan pengurusan diri yang seimbang, agar tetap berada dalam landasan syariat. Dalam *Risālah al-Nūr*, oleh Imām Sa‘īd Nursī menekankan bahawa *istiqāmah* adalah benteng utama dalam menghadapi kerosakan akhlak. Ia melibatkan usaha berterusan untuk memperkukuh keimanan melalui ibadah, ilmu dan penghayatan sunnah.

Bagi ibu bapa anak kurang upaya, ibadah boleh menjadi sumber ketenangan dan tempat bergantung dalam menghadapi cabaran kehidupan. Dengan tidak meninggalkan setiap ibadah wajib yang menjadi rukun dan tiang utama, serta melazimi bacaan al-Quran, zikir, doa, selawat, istighfar dan taubat, mereka dapat membina ketenangan jiwa dan kestabilan emosi. oleh Imām Sa‘īd Nursī menyebutkan bahawa:

“Walhal dalam solat terdapat kerehatan yang besar bagi roh, hati dan akal. Malah ia juga bukanlah satu perbuatan yang begitu berat untuk tubuh. Tambahan pula, dengan niat yang baik, amalan-amalan duniawi lain yang mubah bagi orang yang bersolat itu akan dikira sebagai ibadah. Dengan demikian, dia boleh menjadikan seluruh modal usianya sebagai harta di akhirat.”

[Kalimah-kalimah Kecil; Kalimah Keempat]

Seterusnya beliau turut menyatakan:

“Yakni gunakanlah keimanan yang merupakan penawar yang suci, dan ubat yang datang daripada keimanan itu dengan taubat, istighfar, solat dan ubudiyyah.”

[Kilauan-kilauan; Kilauan Kedua Puluh Lima; Ubat Kedua Puluh Lima]

Secara khususnya lagi, *ittibā‘ al-sunnah* dan penghayatan terhadap *asmā‘ul ḥusnā* turut menjadi elemen penting dalam *istiqāmah*. Menurut Imām Sa‘īd Nursī:

“Dengarlah firman-Nya yang berikut:

{فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ}

Berusahalah menjadi satu penerima yang lengkap kepada limpahan tajalli setiap nama Asmaul Husna yang jilwah-jilwahnya bersebaran di dalam hukum-hakam Syariat dan Sunnah Rasulullah.”

[Kalimah-kalimah; Kalimah Kedua Puluh Empat; Buah Ketiga]

Di samping amal ibadah yang konsisten, lingkungan persekitaran yang positif (*bī‘ah*) dan sistem sokongan sosial seperti keluarga, komuniti masjid, atau kumpulan sokongan ibu bapa

memainkan peranan penting dalam membantu ibu bapa tetap *istiqāmah*. Dalam *Risālah al-Nūr*, Imām Sa‘īd Nursī menyatakan dengan ringkas:

“Adalah dimaklumi bahawa persekitaran memberi kesan kepada akhlak manusia.”
[Pedoman Para Wanita; Risalah Hijab Kilauan Kedua Puluh Empat; Hikmah Keempat]

Ibu bapa yang dikelilingi oleh individu yang memahami dan sentiasa memberi sokongan positif akan lebih mudah mengekalkan kestabilan emosi dan tidak mudah berputus asa. Dalam masa yang sama, menambah ilmu pengetahuan juga merupakan salah satu elemen penting. *Risālah al-Nūr* sering menekankan bahawa jiwa dan akal yang disinari cahaya ilmu mampu untuk memahami hikmah di sebalik ujian. Imām Sa‘īd Nursī menekankan:

“Sinaran jiwa ialah dengan ilmu agama, dan cahaya akal ialah dengan ilmu pengetahuan moden.”

[Surat-surat; Munazarat]

Tidak dinafikan, dengan ilmu, ibu bapa akan lebih yakin dan tenang dalam membuat keputusan, serta tidak mudah terpengaruh dengan tekanan luar atau unsur negatif. Secara keseluruhannya, *istiqāmah* membina daya tahan rohani yang berterusan dan menjadikan ibu bapa lebih kuat dalam menghadapi tekanan serta secara tidak langsung lebih sabar dalam mendidik anak. Dalam jangka panjang, *istiqāmah* membantu membentuk keperibadian yang matang, tenang dan sentiasa berpaut kepada rahmat Allah.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa pendekatan tauhidik yang digariskan oleh Imām Badi‘uzzamān Sa‘īd Nursī dalam *Risālah al-Nūr* menawarkan satu kerangka pengurusan emosi yang bersifat spiritual dan reflektif, khususnya bagi ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya. Melalui analisis dokumen terhadap teks-teks utama seperti *Sözler* (Kalimah-kalimah), *Mektubat* (Surat-surat), dan *Lem’alar* (Kilauan-kilauan), kajian ini mengenal pasti tiga prinsip utama yang membentuk kerangka pengurusan emosi, iaitu *tafakkur* (refleksi), *ta’ammul* (cara mengurus emosi), dan *istiqāmah* (peneguhan). Melalui tiga kerangka utama ini, ibu bapa dapat membina kekuatan dalaman untuk memahami hikmah di sebalik ujian, mengurus tekanan emosi secara rohani, dan mengekalkan kestabilan emosi dengan berpaksikan keimanan. Pendekatan ini bukan sahaja mengukuhkan kesejahteraan emosi, tetapi juga menyuburkan hubungan dengan Allah sebagai sumber ketenangan dan harapan. Ketiga-tiga prinsip ini saling melengkapi dalam membina kekuatan spiritual dan ketahanan emosi ibu bapa, serta menawarkan pendekatan alternatif yang berasaskan nilai-nilai Islam dalam menghadapi tekanan psikologi dan cabaran keibubapaan.

Berdasarkan dapatan kajian, adalah dicadangkan agar pendekatan tauhidik ini dijadikan asas dalam pembangunan modul sokongan psikospiritual untuk ibu bapa anak berkeperluan khas. Institusi pendidikan khas, pusat intervensi awal, dan organisasi kebajikan boleh mengintegrasikan kerangka *tafakkur–ta’ammul–istiqāmah* dalam program intervensi, latihan keibubapaan dan sokongan emosi. Kajian lanjutan secara lapangan juga wajar dijalankan bagi menilai keberkesanan pendekatan ini dalam konteks sebenar kehidupan ibu bapa, serta memperluas aplikasi pemikiran Imām Badi‘uzzamān Sa‘īd Nursī dalam bidang psikologi Islam kontemporari. Selain itu, penglibatan kaunselor Islam dan pakar psikologi klinikal dalam

mengadaptasi prinsip-prinsip ini secara praktikal boleh memperkukuh intervensi yang lebih holistik dan berteraskan nilai-nilai tauhidik.

Kajian ini menyumbang kepada pengembangan literatur psikologi Islam dengan memperkenalkan satu kerangka pengurusan emosi yang berasaskan teks klasik Islam dan pemikiran tokoh ulama. Pendekatan ini bukan sahaja mengembangkan dapatan kajian terdahulu yang menekankan kepentingan kecerdasan emosi dan spiritual, tetapi juga mencabar paradigma sekular yang memisahkan dimensi rohani daripada kesejahteraan psikologi dengan menekankan bahawa kekuatan spiritual adalah elemen penting dalam menghadapi cabaran keibubapaan anak berkeperluan khas. Dengan membina kerangka *tafakkur–ta’ammul–istiqāmah*, kajian ini menawarkan satu perspektif baharu yang lebih menyeluruh dan kontekstual dalam menyantuni ibu bapa yang mempunyai anak-anak berkeperluan khas. Pendekatan ini diharap dapat membuka ruang kepada pembangunan dasar dan amalan yang lebih inklusif, berempati, dan berteraskan nilai Islam dalam menyantuni keluarga yang dikurniakan anak-anak istimewa.

Penghargaan

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS/1/2024/SSI03/USIM/02/2).

Rujukan

- Abdul Rani, N., & Abdullah, F. (2023). Penjagaan kanak-kanak kurang upaya dalam keluarga: Kes Sindrom CHARGE. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 19(1), 121–143. <https://doi.org/10.22452/19/121.143>
- Alatas, S.F. (2017). *Said Nursi (1877–1960)*. Dalam: Sociological Theory Beyond the Canon. Palgrave Macmillan, London. https://doi.org/10.1057/978-1-137-41134-1_8
- Amir, A. N., & Abdul Rahman, T. (2023). Telaah Kitab Rasail al-Nur oleh Said Nursi. *Jazirah: Jurnal Peradaban & Kebudayaan*, 4(2), 1–15. <https://doi.org/10.51190/jazirah.v4i2.119>
- Arianda, R., Kinanthi, M. R., & Brebahama, A. (2018). Family resilience and cognitive emotion regulation strategy among mothers of children with hearing impairment. *Proceeding of International Seminar on Family and Consumer Issues in Asia, Bogor, Indonesia*, 18–23.
- Compas, B. E., Jaser, S. S., Bettis, A. H., Watson, K. H., Gruhn, M. A., Dunbar, J. P., Williams, E., & Thigpen, J. C. (2017). Coping, emotion regulation, and psychopathology in childhood and adolescence: A meta-analysis and narrative review. *Psychological Bulletin*, 143(9), 939–991. <https://doi.org/10.1037/bul0000110>
- Damairi, M. U. (2020). Ilmu Pengetahuan dalam Perspektif Al-Ghazali. *Journal of Islamic Education Research*, 1(02), 79–89.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). *Laman web rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka*. <https://dbp.gov.my>
- Ebrahimi, H., Mohammadi, E., Mohammadi, M. A., Pirzadeh, A., Mahmoudi, H., & Ansari, I. (2015). Stigma in mothers of deaf children. *Iranian Journal of Otorhinolaryngology*, 27(79), 109–118.
- Fatah Yasin, R., Dhiya'ul Hafidh, M., & Muthi'ul Haqq, M. (2023). Kajian analisis dari Risalah Nur oleh Imam Badiuzzaman Said Nursi untuk pembentukan minda yang sejahtera. *Jamalullail Journal*, 2(1), 42–63.
- Gross, J. J., & John, O. P. (2003). Individual differences in two emotion regulation processes: Implications for affect, relationships, and well-being. *Journal of Personality and Social Psychology*, 85(2), 348–362. <https://doi.org/10.1037/0022-3514.85.2.348>
- Gross, J. J., & Thompson, R. A. (2007). Emotion regulation: Conceptual foundations. Dalam J. Gross (Ed.), *Handbook of emotion regulation* (hlm. 3–24). The Guilford Press.
- Ibrahim, N., Ibrahim, R. A. ., Mohamad, N. I., Ismail, Y. ., Sapiee, M. L. ., Sanuddin, N. D. ., & Mahmud, M. . (2025). The Role of Emotion and Spirituality in Counselling Sessions: The Islamic Perspective. *Afkar: Jurnal Akidah Dan Pemikiran Islam*, 27(1), 203–258. <https://doi.org/10.22452/afkar.vol27no1.6>
- Kobylińska, D., & Kusev, P. (2019). Flexible Emotion Regulation: How Situational Demands and Individual Differences Influence the Effectiveness of Regulatory Strategies. *Frontiers in psychology*, 10, 72. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.00072>
- Pisula, E., & Kossakowska, Z. (2010). Sense of coherence and coping with stress among mothers and fathers of children with autism. *Journal of autism and developmental disorders*, 40(12), 1485–1494. <https://doi.org/10.1007/s10803-010-1001-3>
- Ramadlani, I. F. (2019). Perjuangan Badiuzzaman Said Nursi dalam membendung arus sekularisasi di Turki. *Nalar: Jurnal Peradaban dan Pemikiran Islam*, 3(1), 43–50. <https://doi.org/10.23971/njppi.v3i1.1226>
- Risalah Online. (n.d.). *Laman web rasmi Risalah Online*. <https://risalahonline.com/>
- Sethi, M. B., Jalal, G., & Haq, S. U. (2022). Said Nursi: A brief overview of vision and reformative thoughts. *Journal of Islamic and Religious Studies*, 7(1), 81–90. <https://doi.org/10.36476/JIRS.7.1.06.2022.19>
- Sivabalan, T., Zakaria, E., & Amin, A. S. (2018). Meneroka strategi daya tindak golongan ibu dalam menjaga anak kurang upaya kategori cerebral palsy. *Akademika*, 88(2), 121–133.

- Sulaiman, H., Ismail, Z., & Yusof, R. (2013). Kecerdasan emosi menurut al-Quran dan al-Sunnah: Aplikasinya dalam membentuk akhlak remaja. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 51–57. <https://ojie.um.edu.my/index.php/O-JIE/article/view/5532/3290>
- Syauqi, M. L. (2017). Mengenal Risalah Nur karya Said Nursi dan metodologi penafsirannya. *Jurnal Ilmu Al-Qur'an Dan Tafsir*, 2(1), 109–124. <https://doi.org/10.24090/maghza.v2i1.1547>
- Vetrayan, J., Daud, A., & Paulraj, S. J. P. V. (2013). Level of hopelessness among parents with autistic children. *Indian Journal of Health and Wellbeing*, 4(4), 875–878.
- Zarkasyi, H. F., Arroisi, J., Hizbullah, A., & Maharani, D. (2020). Iman dan kesehatan psikis perspektif Said Nursi (Kajian psikoterapi dalam Risale-i Nur). *Kalimah: Jurnal Studi Agama-Agama dan Pemikiran Islam*, 18(1), 1–16.